

MACHINE AND EQUIPMENT POLICY POLISI MESIN DAN PERALATAN

HEAD OFFICE 8th Floor, Menara Multi-Purpose, Capital Square, 8 Jalan Munshi Abdullah, 50100 Kuala Lumpur.
P+603 2034 9888 F +603 2694 5758, +603 2694 5759 Postal Address: P.O. Box 10122, 50704 Kuala Lumpur. mpigenerali.com

WEST MALAYSIA BRANCH OFFICES

ALOR SETAR 2nd Floor Unit 5A, No. 55, Bangunan Emum 55, Jalan Gangsa, Kawasan Perusahaan Mergong 2, 05150 Alor Setar, Kedah. P +6047357 007
F +604 735 7000

IPOH 63 & 65, Jalan Chung Thye Phin, 30250 Ipoh, P.O. Box 107, 30710 Ipoh, Perak. P +605 241 0396, +605 241 0988 F +605 241 6307

JOHOR BAHRU Unit 1903 & 1904, Level 19, City Plaza, Jalan Tebrau, 80300 Johor Bahru, Johor. P +607 268 7600, F +607 268 7666, +607 268 7668

KANGAR 2nd Floor, No. 366 Taman Mutiara, Jalan Kangar – Alor Setar, 01000 Kangar, Perlis. P +604 979 3188, +604 979 3288
F +604 979 3588

KLANG No. 11B, 2nd Floor, Jalan Keping, Off Jalan Meru, 41050 Klang, Selangor. P +603 3343 6898 F +603 3348 8828

KOTA BAHRU Lot 385, T/Blk 13, Jalan Jambatan Sultan Yahya Petra, Kg. Sireh, 15050 Kota Bharu, Kelantan. P +609 748 7697, +609 748 7779 F +609 748 1597

KUANTAN No. 3 & 5, Tingkat 2, Transit Point, Jalan Dato' Lim Hoe Lek, 25000 Kuantan, Pahang. P +609 513 5288 F +609 513 3993

MELAKA No. 308, Jalan Melaka Raya 1, Taman Melaka Raya, 75000 Melaka. P +606 288 3818 F +606 283 2818

PENANG No. 41-01-01, 1st Floor, Wisma Prudential, Jalan Cantonment, 10250 Penang. P +604 2289 388 F +604 2289 088

EAST MALAYSIA BRANCH OFFICES

KOTA KINABALU Block B, Lot 1, 1st Floor, Jalan Lintas Highway, Lintas Jaya New Uptownship, 89500 Penampang, Sabah. P +6088 719 720, +6088 726 022,
+6088 727 209, F +6088 711 821

KUCHING Lot 584-586, 1st Floor, Jalan Tun Ahmad Zaidi Aduce, 93150 Kuching Sarawak. P +6082 248 833, +6082 248 933
F +6082 428 633

SANDAKAN Lot 9, Block B, Utama Place, Mile 6, North Road, 90000 Sandakan, Sabah. P +6089 212 233 F +6089 222 173

SIBU No. 38, 1st Floor, Jalan Keranji, 96000 Sibu, Sarawak. P +6084 316 633 F +6084 318 933

A PERSONAL NOTE FROM THE CHIEF EXECUTIVE OFFICER

Thank you for choosing MPI Generali Insurans Berhad as your preferred Insurer.

We are continuously seeking to upgrade our services and products. Therefore, to enable us to better understand your needs and expectations and to serve you better, we welcome you to provide us with your valuable feedback for improvement on any areas ranging from your product needs to your service expectations.

Kindly direct your suggestions / complaints directly to our Chief Executive Officer at our Head Office, 8th Floor, Menara Multi-Purpose, Capital Square, No. 8, Jalan Munshi Abdullah, 50100 Kuala Lumpur.

In instances when complaints remain unresolved and if such complaints involve financial services or products less than RM250,000 or involve motor third party property damage insurance claims less than RM10,000, you may refer the matter to:

Ombudsman for Financial Services (OFS)

(Formerly known as Financial Mediation Bureau)

Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia

No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,

50000 Kuala Lumpur

Tel: +603 2272 2811

Fax: +603 2272 1577

Email: enquiry@ofs.org.my

Website: www.ofs.org.my

Notwithstanding the above, for enquiry or complaint if the complaint is not resolved, you may also refer the matter to:

BNMTELELINK

Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)

Bank Negara Malaysia

P.O. Box 10922

50929 Kuala Lumpur

Tel: 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)

(Overseas: +603 2174 1717)

Fax: +603 2174 1515

Email: bnmtelelink@bnm.gov.my

Website: www.bnm.gov.my

Chief Executive Officer

NOTA PERIBADI DARIPADA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Terima Kasih kerana memilih MPI Generali Insurans Berhad sebagai Syarikat Insurans pilihan anda.

Kami sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan perkhidmatan dan produk kami. Dengan ini, supaya kami memahami dengan lebih mendalam keperluan dan jangkaan anda dan untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik, kami mengalu-alukan maklum balas anda yang berharga supaya kami dapat mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan bagi memenuhi keperluan dan jangkaan anda.

Sila kemukakan cadangan / aduan anda terus kepada Ketua Pegawai Eksekutif di Ibu Pejabat kami di Tingkat 8, Menara Multi-Purpose, Capital Square 8, Jalan Munshi Abdullah, 50100 Kuala Lumpur.

Sekiranya aduan anda masih tidak diselesaikan, dan sekiranya aduan tersebut melibatkan perkhidmatan kewangan atau produk yang tidak melebihi RM250,000 atau mengenai tuntutan insurans bagi kerosakan harta benda pihak ketiga bagi motor yang tidak melebihi RM10,000, anda boleh ketengahkan aduan tersebut kepada:

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan

(Dahulu dikenali sebagai Biro Pengantaraan Kewangan)

Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia

No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,

50000 Kuala Lumpur

Tel: +603 2272 2811

Fax: +603 2272 1577

Emel: enquiry@ofs.org.my

Laman Sesawang: www.ofs.org.my

Walaupun yang tertera di atas, untuk pertanyaan atau aduan jika aduan itu tidak diselesaikan, anda juga boleh merujuk perkara itu kepada:

BNMTELELINK

Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)

Bank Negara Malaysia

P.O. Box 10922

50929 Kuala Lumpur

Tel: 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)

(Luar Negara: +603 2174 1717)

Fax: +603 2174 1515

Emel: bnmtelelink@bnm.gov.my

Laman Sesawang: www.bnm.gov.my

Ketua Pegawai Eksekutif

MPI Generali Insurans Berhad (14730-X)
(Formerly known as Multi-Purpose Insurans Bhd)

MACHINE AND EQUIPMENT POLICY

Note: You are requested to read this document carefully and keep it in a safe place. Please contact us if you need any clarification.

Whereas the Insured by a proposal and declaration which shall be the basis of this Contract and is deemed to be incorporated herein has applied to **MPI Generali Insurans Berhad** (hereinafter called "the Company") for the insurance hereinafter contained and has paid or agreed to pay the Premium as consideration for such insurance.

Now this Policy witnesses that subject to the Terms Exceptions and Conditions contained herein or endorsed hereon if during the Period of Insurance or any Subsequent Period for which the Company shall agree to renew this insurance, the Property insured shall be lost or damaged by any unforeseen sudden and accidental cause whilst in the Situation, the Company will by payment or at its option by reinstatement, replacement or repair indemnify the insured against such loss or damage.

The maximum liability of the Company in respect of any item shall be its market value but shall not in any case exceed the Sum Insured specified against such item and that the maximum liability of the Company during the Period of Insurance shall not in any case exceed the Total Sum Insured.

GENERAL EXCEPTIONS

The Company shall not be liable for:-

1. Any sum which the Insured would have been entitled to recover from any party but for an agreement between the Insured and such party;
2. Conversion by the hirer or lessee and loss or damage caused by the wilful or dishonest act of any person to whom the Property is entrusted;
3. Any legal liability incurred by the insured whatsoever;
4. In respect of each and every claim the amount of Excess;
5. Loss by delay confiscation or detention by Custom House or by other Officials or Authorities;
6.
 - (a) consequential loss
 - (b) mechanical derangement breakdown failure or defects
 - (c) electrical burnout breakdown failure defects or self ignition
 - (d) loss or damage caused by overloading or strain;
 - (e) any act of terrorism

For this purpose an act of terrorism means an act, including but not limited to the use of force or violence and/or the threat thereof of any person or group(s) of persons, whether acting alone or on behalf of or in connection with any organisation(s) or government(s), committed for political, religious, ideological or similar purposes including the intention to influence any government and/or to put the public or any section of the public in fear.

In any action, suit or other proceeding where the Company alleges that by reason of the provisions of this Exception any loss, destruction or damage is not covered by this insurance, the burden of proving that such loss, destruction or damage is covered shall be upon the Insured.

7. Loss or damage arising from
 - (a) atmospheric conditions (other than lighting storm or tempest) rust discolouration corrosion wear and tear gradual deterioration
 - (b) any process of cleaning or restoring or from adjustment repair or dismantling of any part of the Property or loss of or damage to any part whilst removed from its normal working position;

8. Loss of or damage to records films or tapes other than by Fire or Theft (and then only for the value as unused material);
9. The scratching or denting of any/article or cracking and/or breakage of glass and/or other articles of a brittle nature, unless caused by burglars and lor fire;
10. Any consequence whether direct or indirect of war invasion act of foreign enemy hostilities (Whether war be declared or not) civil war rebellion revolution insurrection riot civil commotion military or usurped power and in the event of any claim hereunder the Insured shall when so required by the Company prove that the claim arose independently of and was in no way connected with or occasioned by or contributed to by or traceable to any of the said occurrences or any consequences thereof and in default of such proof the Company shall not be liable to make any payment in respect of such a claim;
11. (a) Any accident or any loss or destruction of or damage to any property whatsoever or any loss or expense whatsoever resulting or arising therefrom or any consequential loss
- (b) Any legal liability of whatsoever nature (directly or indirectly caused by or contributed to by or arising from ionising radiations or contamination by radioactivity from any nuclear fuel or from any nuclear waste from the combustion of nuclear fuel. Solely for the purpose of this exclusion combustion shall include any self-sustaining process of nuclear fission).

GENERAL CONDITIONS

1. This Policy and the Schedule shall be read together as one Contract and any word or expression to which a specific meaning has been attached in any part of this Policy or of the Schedule shall bear such specific meaning wherever it may appear.
2. The due observance and fulfilment of the Terms and Endorsement of this Policy insofar as they relate to any thing to be done or not to be done by the Insured and the truth of the statements and answers in the proposal shall be conditions precedent to any liability of the Company to make any payment under this Policy.
3. Every notice or communication to be given or made under this Policy shall be delivered in writing to the Company.
4. The Insured shall take all reasonable precautions for the safety of the Property insured and immediately upon having knowledge of any event giving rise or likely to give rise to claim under this Policy shall:-
 - a) in the case of theft or loss give notice to the police and render all reasonable assistance in causing the discovery and punishment of any guilty person and in tracing and recovering the Property:
 - b) in all cases give notice to the Company in writing and within seven days thereafter deliver to the Company a claim in writing and supply all such detailed proofs and particulars as may be reasonably required.
5. In the event of a claim for loss the Insured must afford such evidence as shall satisfy the Company that the Property in respect of which a claim is made has been actually lost and is not merely mislaid or missing.
6. If any claim under this Policy shall be in any respect fraudulent or if any fraudulent means or devices are used by the Insured or anyone acting on behalf to obtain any benefit under this Policy all benefit hereunder shall be forfeited.
7. The Company may at any time at its own expense use all legal means in the name of the Insured for recovery of any of the Property lost and the Insured shall give all reasonable assistance for that purpose. The Company shall be entitled to any Property for the loss of which a claim is paid hereunder and the Insured shall execute all such assignments and assurances of such Property as may be reasonable required but the Insured shall not be entitled to abandon any Property to the Company.
8. If at the time of the happening of any loss or damage covered by this Policy there shall be subsisting any other insurance of any nature whatsoever covering the Property insured or any part thereof whether effected by the Insured or not then the Company shall not be liable to pay or contribute more than its ratable proportion of such loss or damage and upon the happening of any such loss or damage the Insured shall forthwith give notice to the Company of all other insurances effected by the Insured or on the Insured's behalf covering the property or any part of the Property insured under this Policy and no claim under this Policy shall be payable by the Company until such notice shall have been received by the Company.
9. If the Property insured by this Insurance shall at the time of any loss be of greater value than the Sum insured hereby, then the Insured shall be considered as being his own insurer for the difference and shall bear a ratable proportion of the loss accordingly. Every item, if more than one, of the Policy shall be separately subject to this Condition.
10. The Company may cancel this Policy by sending fourteen days' notice by registered letter to the Insured at his last known address and in such event will return to the Insured the premium paid less the pro rata portion thereof for the period the policy has been in force.
11. All differences arising out of this Policy shall be referred to the decision of an Arbitrator to be appointed in writing by the parties in difference or if they cannot agree upon a single Arbitrator to the decision of two Arbitrators one to be appointed in writing by each of the parties within one calendar month after having been required in writing so to do by either of the

parties or in case the Arbitrators do not agree of an Umpire appointed in writing by the Arbitrators before entering upon the reference. The Umpire shall sit with the Arbitrators and preside at their meetings and the making of any award shall be a condition precedent to any right of action against the Company. If the Company shall disclaim liability to the insured for any claim hereunder and such claim shall not within twelve calendar months from the date of such disclaimer have been referred to arbitration under the provisions herein contained then the claim shall for all purposes be deemed to have been abandoned and shall not thereafter be recoverable hereunder.

ENDORSEMENTS, CLAUSES AND WARRANTIES
(Not Applicable To The Policy Unless Specified In The Schedule)

HIRE PURCHASE - LEASING ENDORSEMENT

It is hereby understood and agreed that the Hire Purchase Company/Lessors (hereinafter referred to as "the Owners") as stated in the Schedule are the owners of the Property and that the Property is the subject of a Hire Purchase/Leasing Agreement made between the Owners of the one part and the Insured of the other part. It is further understood and agreed that any payment made in respect of loss or damage (which loss is not made good by repair reinstatement or replacement) under this Policy shall be made to the Owners as long as they are owners of the Property and their receipt shall be a full and final discharge to the Company in respect of such loss or damage. It is also understood and agreed that notwithstanding any provision in the Hire Purchase/Leasing Agreement to the contrary this Policy is issued to the Insured as the principal party and not as agent or trustee for the Owners and nothing herein shall be construed as constituting the Insured an agent or trustee for the Owners or as an assignment (Whether legal or equitable) by the Insured to the Owners of his rights benefits and claims under this Policy, nothing herein shall be construed as creating or vesting any right in the Owners to sue the Company in any capacity whatsoever for any alleged breach of its obligations hereunder.

SPARE PARTS CLAUSE

It is hereby understood and agreed notwithstanding anything to the contrary contained in this Policy that in the event of loss or damage to the Property or its accessories or spare parts necessitating the supply of a part not obtainable from stocks held in the country in which the Property is held for repair or in the event of the Company exercising the option to pay in cash the amount of the loss or damage the liability of the Company in respect of any such part shall be limited to :-

- a) i) the price quoted in the latest catalogue or price list by the Manufacturer or his Agents for the Country in which the Property is held for repair or
- ii) if no such catalogue or price list exists the price last obtaining at the Manufacturer's Works plus the reasonable cost of transport otherwise than by air to the country in which the Property is held for repair and the amount of the relative import duty.

less reasonable amount representing depreciation and

- b) the reasonable cost of fitting such part

DEFINITION OF MARKET VALUE

The market value of an item shall be the prevailing price for an item of the same or similar nature, age and condition after deduction for depreciation and wear and tear.

CRIMINAL BREACH OF TRUST CLAUSE

The Company shall not be liable for any loss or damage caused by or attributed to the act of criminal breach of trust by any person within the meaning of the definition of the offence of criminal breach of trust set out in the Penal Code.

Criminal breach of trust as defined in the Penal Code is as follows:

"Whoever being in any manner entrusted with property or with any dominion over property dishonestly misappropriates or converts to his own use that property or dishonestly uses or disposes of that property in violation of any direction of law prescribing the mode in which such trust is to be discharged, or of any legal contract, express or implied, which he has made touching the discharge of such trust, or wilfully suffers and other person so to do, commits "criminal breach of trust".

THEFT BY DECEPTION (CHEATING) CLAUSE

The Company shall not be liable for any loss or damage caused by or attributed to the act of cheating by any person within the meaning of the definition of the offence of cheating set out in the Penal Code.

Cheating as defined in the Penal Code is as follows:

"Whoever by deceiving any person, fraudulently or dishonestly induces the person so deceived to delivery any property or intentionally induces the person so deceived to do or omit to do anything which he would not do or omit if he were not so deceived and which act or omission causes or is likely to cause damage or harm to that person in body, mind, reputation or property, is said to "cheat".

PREMIUM WARRANTY

It is fundamental and absolute Special Condition of this contract of insurance that the premium due must be paid and received by the Company within sixty (60) days from the inception date of this Policy/Endorsement/Renewal Certificate.

If this Condition is not complied with then this contract is automatically cancelled and the Company shall be entitled to the pro rata premium on the period they have been on risk.

Where the premium payable pursuant to this Warranty is received by an authorised agent of the Company, the payment shall be deemed to be received by the Company for the purposes of this Warranty and the onus of proving that the premium payable was received by a person, including an insurance agent, who was not authorised to receive such premium shall lie on the Company.

If there is conflict or inconsistency between any of the contents of the document and the contents of a version of this same document issued or printed in any other language, the contents of this document issued and printed in English prevail.

MPI Generali Insurans Berhad (14730-X)
(Formerly known as Multi-Purpose Insurans Bhd)

POLISI MESIN DAN PERALATAN

Nota: Anda diminta untuk membaca dokumen ini dengan teliti dan menyimpannya di tempat yang selamat. Sila hubungi kami jika anda memerlukan sebarang penjelasan

Manakala Pihak Diinsuranskan melalui cadangan dan pengisytiharan yang menjadi asas kepada Kontrak ini dan dianggap digabungkan di dalam ini telah memohon kepada **MPI Generali Insurans Berhad** (kemudian dari ini dipanggil "Syarikat") bagi insurans yang terkandung kemudian dari ini dan telah membayar atau setuju untuk membayar premium sebagai balasan bagi insurans sedemikian.

Maka Polisi ini menyaksikan bahawa tertakluk kepada Terma Pengecualian dan Syarat yang terkandung di dalamnya atau pengendorsan keatasnya jika semasa Tempoh Insurans atau mana-mana Tempoh berikutnya yang Syarikat bersetuju untuk memperbaharui insurans ini, Harta diinsuranskan hilang atau rosak oleh sebarang sebab yang tidak disangka-sangka tiba-tiba dan secara tidak sengaja ketika di dalam Situasi, Syarikat melalui bayaran atau pilihannya dengan pemulihan, penggantian atau membaiki mengganti rugi pihak diinsuranskan terhadap kehilangan atau kerosakan sedemikian.

Liabiliti maksimum syarikat berkaitan dengan mana-mana butiran hendaklah mengikut harga pasarannya tetapi dalam sebarang hal tidak melebihi Jumlah Diinsuranskan yang ditetapkan terhadap butiran demikian dan liabiliti maksimum Syarikat semasa Tempoh Insurans dalam sebarang hal tidak melebihi Jumlah Besar Diinsuranskan.

PENGECUALIAN AM

Syarikat tidak bertanggungjawab untuk:-

1. Apa-apa jumlah yang Pihak Diinsuranskan berhak mendapat semula daripada mana-mana pihak kalau tidak kerana sesuatu perjanjian di antara Pihak Diinsuranskan dan pihak demikian.
2. Penukaran oleh penyewa atau pemajak dan kerugian atau kerosakan disebabkan oleh tindakan disengajakan atau tidak jujur oleh sesiapa yang kepadanya Harta itu diamankan
3. Apa-apa liabiliti sah yang ditanggung oleh Pihak Diinsuranskan apa jua pun;
4. Amaun Lebihan berkaitan dengan setiap tuntutan;
5. Kerugian oleh kelewatan perampasan atau penahanan oleh Pejabat Kastam atau oleh Pegawai atau Pihak Berkuasa lain;
6.
 - a) kerugian turutan
 - b) kepincangan kerosakan kegagalan atau kecacatan mekanikal
 - c) terbakar kerosakan kegagalan kecacatan atau cucuhan diri elektrik
 - d) kerugian atau kerosakan disebabkan oleh muatan lebih atau berat bebanan
 - e) sebarang tindakan penganasan

Untuk tujuan ini tindakan penganasan bermaksud tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan paksaan atau keganasan dan/atau ugutannya, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak sendiri atau bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau yang seumpamanya termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menyebabkan orang awam atau sebahagian orang awam berada dalam ketakutan.

Dalam apa-apa tindakan, guaman atau prosiding lain di mana Syarikat mengatakan bahawa oleh sebab peruntukan Pengecualian ini apa-apa kerugian, kemusnahan atau kerosakan tidak dilindungi oleh insurans ini, beban untuk membuktikan bahawa kerugian, kemusnahan atau kerosakan demikian dilindungi hendaklah terletak pada Pihak Diinsuranskan.

7. Kerugian atau kerosakan timbul daripada
 - a) keadaan atmospera (selain daripada kilat ribut atau ribut kuat) karat penyahwarnaan kakisan haus dan lusuh kemerosotan beransur-ansur

- b) apa-apa proses mencuci atau membaik pulih atau daripada pelarasan pembaikan atau merungkai mana-mana bahagian Harta itu atau kerugian atau kerosakan kepada mana-mana bahagian ketika dialihkan daripada kedudukan kerja biasanya;
- 8. Kehilangan atau kerosakan pada rekod filem atau pita rakaman selain daripada oleh Kebakaran atau Kecurian (dan kemudian hanya untuk nilai sebagai bahan tidak digunakan)
- 9. Kesan calar atau kemik pada apa-apa barang atau retak dan/atau pecahnya kaca dan/atau lain-lain barang sifat rapuh, melainkan disebabkan oleh pencuri dan/atau kebakaran.
- 10. Apa-apa akibat sama ada langsung atau tidak langsung oleh peperangan serangan tindakan musuh asing permusuhan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak) perang saudara pemberontakan revolusi insureksi rusuhan kekecohan awam kuasa tentera atau rampasan dan sekiranya terdapat sebarang tuntutan di bawah ini Pihak Diinsuranskan hendaklah jika diperlukan oleh Syarikat membuktikan bahawa tuntutan timbul secara berasingan daripada dan tidak sama sekali kena mengena dengan atau disebabkan oleh atau disumbangkan oleh atau boleh dikesan kepada mana mana kejadian tersebut atau mana-mana akibatnya dan sekiranya hal itu gagal dibuktikan Syarikat tidak bertanggungjawab membuat sebarang bayaran berhubung dengan tuntutan sedemikian.
- 11. (a) Apa-apa kemalangan atau apa-apa kerugian atau kemusnahan atau kerosakan pada mana-mana harta apa jua pun atau apa-apa kerugian atau belanja apa jua pun akibat atau timbul daripadanya atau apa-apa kerugian turutan
- (b) Apa-apa liabiliti sah apa jua pun sifat (secara langsung atau secara tidak langsung disebabkan oleh atau disumbangkan oleh atau timbul daripada pancaran pengionan atau pencemaran oleh keradioaktifan daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada apa-apa bahan buangan nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Hanya bagi tujuan pengecualian ini pembakaran hendaklah termasuk apa-apa proses selenggara diri pembelahan nuklear).

SYARAT-SYARAT AM

1. Polisi ini dan Jadual hendaklah dibaca bersama sebagai satu Kontrak dan apa-apa perkataan atau pernyataan yang bermakna khusus telah dinyatakan di mana-mana bahagian Polisi ini atau Jadualnya hendaklah membawa makna khusus sedemikian di mana sahaja ia mungkin tercatat.
2. Pematuhan dan pemenuhan yang sewajarnya akan Terma dan Pengendorsan Polisi ini setakat ianya berkaitan dengan apa saja yang perlu dilakukan atau tidak dilakukan oleh Pihak Diinsuranskan dan kebenaran pernyataan dan jawapan di dalam cadangan hendaklah menjadi syarat duluan kepada sebarang liabiliti Syarikat untuk membuat sebarang pembayaran di bawah Polisi ini.
3. Setiap notis atau komunikasi yang perlu diberikan atau dibuat di bawah Polisi ini hendaklah dihantar secara bertulis kepada Syarikat.
4. Pihak Diinsuranskan hendaklah mengambil langkah yang sewajarnya untuk keselamatan Harta diinsuranskan dan dengan serta merta apabila mengetahui sebarang peristiwa yang menimbulkan atau kemungkinan menimbulkan tuntutan dibawah Polisi ini hendaklah:-
 - a) dalam kes kecurian atau kehilangan memberi notis kepada pihak Polis dan memberi segala bantuan yang berpatutan dalam menyebabkan penemuan dan hukuman mana-mana orang yang bersalah dan dalam mengesan dan mendapat balik Harta itu;
 - b) dalam semua kes memberi notis kepada Syarikat secara bertulis dan dalam masa tujuh hari selepas itu menyerahkan kepada Syarikat tuntutan secara bertulis dan mengemukakan segala bukti dan butir-butir terperinci yang mungkin diperlukan sewajarnya.
5. Sekiranya berlaku suatu tuntutan untuk kehilangan Pihak Diinsuranskan mesti berupaya memberi bukti demikian untuk memuaskan Syarikat bahawa Harta berkaitan dengan tuntutan yang dibuat sebenarnya hilang dan bukan hanya salah letak atau tidak ada di tempatnya.
6. Jika mana-mana tuntutan di bawah Polisi ini dari mana-mana segi penipuan atau jika apa-apa cara atau kaedah penipuan digunakan oleh Pihak Diinsuranskan atau oleh sesiapa yang bertindak bagi pihaknya untuk mendapatkan sebarang faedah di bawah Polisi ini semua faedah di bawah ini hendaklah dilucut hak.
7. Syarikat boleh pada bila-bila masa pada belanjanya sendiri menggunakan segala cara undang-undang atas nama Pihak Diinsuranskan untuk mendapatkan semula apa-apa Harta yang hilang dan Pihak Diinsuranskan hendaklah memberi segala bantuan yang wajar untuk tujuan itu. Syarikat berhak kepada sebarang Harta yang kehilangannya tuntutan dibayar di bawah ini dan Pihak Diinsuranskan hendaklah melaksanakan segala penyerahan hak dan jaminan bagi Harta demikian yang mungkin wajar diperlukan tetapi Pihak Diinsuranskan tidak berhak untuk meninggalkan mana-mana Harta kepada Syarikat.
8. Jika pada masa berlaku apa-apa kerugian atau kerosakan yang dilindungi oleh Polisi ini terdapat sebarang Insurans lain apa jua pun jenis yang masih berkuatkuasa melindungi Harta diinsuranskan atau apa-apa bahagiannya sama ada dilaksanakan oleh Pihak Diinsuranskan atau tidak maka Syarikat tidak bertanggungjawab untuk membayar atau menyumbang lebih daripada perkadaran setimpalnya bagi kerugian atau kerosakan sedemikian dan apabila berlakunya apa-apa kerugian

atau kerosakan Pihak Diinsuranskan hendaklah memberi notis dengan segera kepada Syarikat mengenai segala insurans lain yang dilaksanakan oleh Pihak Diinsuranskan atau bagi pihak Pihak Diinsuranskan melindungi harta atau mana-mana bahagian Harta diinsuranskan di bawah Polisi ini dan tidak ada tuntutan di bawah Polisi ini perlu dibayar oleh Syarikat sehingga notis demikian telah diterima oleh Syarikat.

9. Jika Harta yang diinsuranskan oleh Insurans ini pada masa sebarang kerugian mempunyai nilai yang lebih besar daripada Jumlah diinsuranskan dengan ini, maka Pihak Diinsuranskan hendaklah dianggap sebagai penanggung insuransnya sendiri bagi perbezaan itu dan hendaklah menanggung perkadaran setimpal kerugian itu sewajarnya. Setiap butiran Polisi, jika lebih daripada satu, hendaklah tertakluk secara berasingan kepada Syarat ini.
10. Syarikat boleh membatalkan Polisi ini dengan menghantar notis empat belas hari melalui surat berdaftar kepada Pihak Diinsuranskan kealamatnya terakhir yang diketahui dan dalam hal demikian akan membayar balik kepada Pihak Diinsuranskan premium yang telah dibayar tolak bahagian pro ratanya bagi tempoh Polisi yang telah berkuatkuasa.
11. Semua pertelingkahan yang timbul daripada Polisi ini hendaklah dirujuk kepada keputusan Penimbang Tara yang dilantik secara bertulis oleh pihak yang bertelingkah atau jika mereka tidak boleh bersetuju dengan seorang Penimbang Tara maka kepada keputusan dua Penimbang Tara satu dilantik secara bertulis oleh setiap pihak dalam masa satu bulan kalendar selepas diminta untuk berbuat demikian secara bertulis oleh mana-mana satu pihak atau sekiranya Penimbang Tara tidak setuju akan Wasit yang dilantik secara bertulis oleh Penimbang Tara sebelum memasuki perujukan. Wasit akan bersidang bersama Penimbang Tara dan mempengerusikan mesyuarat mereka dan pembuatan Award hendaklah merupakan syarat duluan kepada apa-apa hak tindakan terhadap Syarikat. Jika Syarikat menafikan liabiliti kepada Pihak Diinsuranskan untuk sebarang tuntutan di bawah ini dan tuntutan demikian tidak dalam masa dua belas bulan kalendar dari tarikh penafian demikian dirujuk kepada penimbang tara di bawah peruntukan terkandung di dalam ini maka tuntutan itu hendaklah untuk segala tujuan dianggap telah ditinggalkan dan tidak selepas itu boleh diperolehi semula di bawah ini.

PENGENDORSAN, FASAL DAN WARANTI
(Tidak digunakan kepada Polisi melainkan ditetapkan di dalam Jadual)

PENGENDORSAN SEWA BELI - PAJAKAN

Dengan ini difahami dan dipersetujui bahawa Syarikat Sewa Beli/Pemberi Pajak (kemudian dari ini dirujuk sebagai "Empunya") sebagaimana dinyatakan di dalam Jadual adalah empunya Harta dan bahawa Harta itu adalah perkara Perjanjian Sewa Beli/Pajakan yang dibuat di antara Empunya bagi satu pihak dan Pihak Diinsuranskan sebagai pihak yang lain. Seterusnya difahami dan dipersetujui bahawa apa-apa pembayaran yang dibuat berkaitan dengan kerugian atau kerosakan (yang kerugian tidak diganti rugi melalui pembaikan pemuliharaan atau penggantian) di bawah Polisi ini hendaklah dibuat kepada Empunya selagi mereka empunya Harta itu dan penerimaan mereka hendaklah menjadi pelepasan penuh dan muktamad Syarikat berhubung dengan kerugian atau kerosakan demikian. Adalah juga difahami dan dipersetujui bahawa meskipun ada apa-apa peruntukan dalam Perjanjian Sewa Beli/Pajakan sebaliknya Polisi ini dikeluarkan kepada Pihak Diinsuranskan sebagai pihak utama dan bukan sebagai ejen atau pemegang amanah untuk Empunya dan tidak ada di dalam ini ditafsirkan sebagai merupakan Pihak Diinsuranskan ejen atau pemegang amanah untuk Empunya atau sebagai penyerahan hak (sama ada di sisi undang-undang atau kesaksamaan) oleh Pihak Diinsuranskan kepada Empunya hak faedah dan tuntutannya di bawah Polisi ini, tidak ada di dalam ini ditafsirkan sebagai mewujudkan atau meletakkan sebarang hak keatas Empunya untuk mendakwa Syarikat dalam sebarang kapasiti apa jua pun bagi apa-apa yang dikatakan kemungkaran tanggungjawabnya di bawah ini.

FASAL BARANG GANTI

Dengan ini difahami dan dipersetujui bahawa walaupun ada apa-apa bertentangan terkandung di dalam Polisi ini bahawa sekiranya berlaku kerugian atau kerosakan keatas Harta itu atau aksesori atau alat gantinya yang memerlukan bekalan alat ganti yang tidak dapat diperolehi dari stok dalam negara di mana Harta itu disimpan untuk pembaikan atau sekiranya Syarikat menggunakan pilihan membayar secara tunai amaun kerugian atau kerosakan liabiliti Syarikat berkaitan dengan mana-mana alat demikian hendaklah terhad kepada :-

- a) i) harga yang disebut di dalam katalog terkini atau senarai harga oleh Pembuat atau Ejennya untuk Negara di mana Harta itu disimpan untuk pembaikan atau
- ii) jika tidak wujud katalog atau senarai harga demikian harga yang diperolehi terakhir di tempat Kerja Pembuat termasuk kos pengangkutan yang munasabah selain daripada melalui udara ke negara di mana Harta itu disimpan untuk pembaikan dan amaun duti import yang berkaitan.

tolak amaun yang munasabah untuk susut nilai dan

- b) kos yang munasabah untuk memasang alat sedemikian.

DEFINISI NILAI PASARAN

Nilai pasaran bagi barangan hendaklah nilai semasa bagi barangan yang sifat, usia dan keadaan sama atau serupa selepas potongan untuk susut nilai dan haus dan lusuh.

FASAL PECAH AMANAH JENAYAH

Syarikat tidak bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau berpunca daripada tindakan pecah amanah jenayah oleh mana-mana orang mengikut makna definisi kesalahan pecah amanah jenayah seperti dinyatakan di dalam Kanun Keseksaan.

Pecah amanah jenayah seperti ditakrifkan di dalam Kanun Keseksaan adalah seperti berikut:-

Sesiapa dalam sebarang cara diamanahkan dengan harta atau dengan sebarang penguasaan keatas harta menggelapkan atau menukar kepada kegunaannya sendiri harta itu secara tidak jujur atau mengguna atau menjual harta itu secara tidak jujur mencabuli mana-mana arahan undang-undang yang menetapkan cara bagaimana amanah perlu disempurnakan, atau apa-apa kontrak di sisi undang-undang, ternyata atau tersirat, yang dia telah buat menyentuh penyempurnaan amanah demikian, atau dengan sengaja membiarkan mana-mana orang lain buat begitu, melakukan 'pecah amanah jenayah'.

FASAL KECURIAN DENGAN PERDAYAAN (PENIPUAN)

Syarikat tidak bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau perpunca daripada tindakan penipuan oleh mana-mana orang mengikut makna definisi kesalahan penipuan yang dinyatakan di dalam Kanun Keseksaan.

Penipuan seperti yang ditakrifkan di dalam Kanun Keseksaan adalah seperti berikut :-

"Sesiapa dengan memperdayakan seseorang, mendorong secara menipu atau secara tidak jujur orang yang diperdayakan begitu untuk menghantar apa-apa harta atau dengan sengaja mendorong orang yang diperdayakan begitu membuat atau meninggalkan untuk membuat apa-apa yang dia tidak akan buat atau tinggalkan jika dia tidak diperdayakan begitu dan tindakan atau peninggalan yang mana menyebabkan atau berkemungkinan menyebabkan kerosakan atau kemudaratan kepada orang itu pada badan, fikiran, reputasi atau harta, adalah dikatakan "menipu".

WARANTI PREMIUM

Adalah syarat khas asas dan mutlak kontrak insurans ini bahawa premium yang perlu dibayar mestilah dijelaskan dan diterima oleh Syarikat dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh bermulanya Polisi/Pengendorsan/Sijil Pembaharuan ini.

Jika Syarat ini tidak dipatuhi maka kontrak ini secara automatik terbatal dan Syarikat hendaklah berhak keatas premium pro rata untuk tempoh yang mereka telah menanggung risiko.

Di mana premium yang perlu dibayar mengikut Waranti ini diterima oleh ejen Syarikat yang diberi kuasa, bayaran tersebut hendaklah dianggap telah diterima oleh Syarikat bagi maksud Waranti ini dan tanggungjawab membuktikan bahawa premium yang perlu dibayar itu telah diterima oleh seseorang, termasuk ejen insurans, yang tidak diberi kuasa untuk menerima premium demikian hendaklah terletak pada Syarikat.

Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan atau ketidakselarian di antara sebarang kandungan dokumen ini dengan kandungan dokumen yang sama dikeluarkan atau dicetak dalam Bahasa Inggeris, kandungan dokumen yang telah dikeluarkan atau dicetak dalam Bahasa Inggeris akan diberi keutamaan.

This page is intentionally left blank